KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	13/12/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			



Dr Mohd Hayati mengendalikan jengkaut sebagai simbolik merasmikan program gotong-royong pasca banjir di Kuala Kuang, Baling, semalam. (Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Sampel burung hijrah dianalisis kesan punca JE

Baling: Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah sudah menghantar sampel burung hijrah untuk analisis makmal bagi mengenal pasti punca berlaku jangkitan Japanese Encephalitis (JE) sehingga menyebabkan tiga kematian.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Dr Mohd Hayati Othman, berkata burung itu ditangkap di kawasan kes jangkitan iaitu di Jalan Pegawai dan Jalan Tanjung Bendahara dekat Alor Setar.

"Kita sudah hantar sampel burung hijrah itu ke Institut Penyelidikan Perubatan di Kuala Lumpur untuk diteliti punca jangkitan," katanya selepas program gotong-royong pasca banjir di Kuala Kuang, Kupang, semalam.

Pada November lalu, JKN Kedah mengisytiharkan wabak JE di Kota Setar selepas mengesan dua kes kematian membabitkan individu dewasa pada 18 dan 25 November, iaitu di Jalan Pegawai dan Jalan Tanjung Bendahara.

Satu lagi kes kematian di Pendang membabitkan kanak-kanak empat tahun pada 13 Oktober lalu.

Mengenai perkembangan pembinaan Hospital Pendang dengan kapasiti 126 katil di Kampung Manggol Pauh, Dr Mohd Hayati berkata, hospital berkenaan dijangka mula beroperasi pada April 2022 dan setakat ini kerja pembinaan sudah mencapai hampir 90 peratus, namun terdapat isu yang perlu diselesaikan.

"Kita sedang menguruskan pengambilan tanah untuk membesarkan jalan dan longkang di hospital, sebelum ini urusan itu tidak dibuat, jadi Jabatan Kerja Raya sedang uruskan hal ini. Dari segi lain tiada masalah dan kita jangka ia akan beroperasi April tahun depan," katanya.